

26 SEP 1996

Mahathir - formula

DR MAHATHIR SENARAI FORMULA KEJAYAAN MALAYSIA MENJELANG 2020

Oleh: Syed Jamil Jaafar

NEW YORK, 26 Sept (Bernama) -- Malaysia telah menggerakkan beberapa perubahan dan strategi ekonomi yang terbukti menjadi "formula kejayaan" untuk mencapai hasratnya menjadi negara membangun menjelang 2020, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata setakat ini formula ini telah membolehkan Malaysia menikmati pertumbuhan pada kadar purata 8.9 peratus sejak lapan tahun lepas manakala inflasi terkawal pada sekitar 3.5 peratus.

Malaysia hanya perlu tumbuh pada kadar purata 7 peratus antara 1991 dan 2020 untuk menggandakan pendapatan negara setiap 10 tahun dan mencapai taraf negara maju, kata beliau ketika menghuraikan dengan panjang lebar mengenai formula itu pada jamuan malam Asia Society di sini.

Pertama, kata Dr Mahathir, bukanlah menjadi tugas kerajaan melibatkan diri dalam perniagaan dan dengan itu, perubahan asas yang strategik dilakukan pada awal tahun 80an dengan menetapkan bahawa sektor swasta menjadi penggerak utama pertumbuhan.

Kerajaan seterusnya mula mengecilkan perkhidmatan awam, yang begitu besar dibanding dengan ekonominya, dan usaha akan diteruskan bagi memoden dan meningkatkan keupayaan jentera pentadbiran.

Dua langkah lagi ialah mengurung atau melonggarkan syarat dan penswastaan.

"Kami menggunakan gunting yang tajam untuk memotong 'red tape' (karena birokrasi)," kata Dr Mahathir.

Program penswastaan telah berjaya, dengan pekerja sendiri menjadi penyokong kuatnya kerana mereka sedar bahawa penswastaan bermakna upah lebih baik, pemilikan saham dan kerap kali juga, bonus.

Satu lagi elemen penting dalam formula kejayaan ini ialah azam kerajaan dari awal lagi berhubung perindustrian.

Pada 1980, barangan pekilangan meliputi 21.5 peratus daripada eksport negara. Pada 1995 ia merangkumi 79.5 peratus dan tahun ini 83 peratus daripada eksport Malaysia adalah barangan pekilangan.

Dr Mahathir berkata elemen keenam dalam formula kejayaan itu adalah pembesaran mendatar dan menegak industri kecil dan sederhana yang memainkan peranan penting menyokong industri utama dan mengurangkan import.

Beliau berkata Malaysia akan terus bergantung kepada pertumbuhan yang didorong oleh eksport kerana pasarnya terlalu kecil.

"Seluruh dunia menjadi pasaran kami," kata beliau sambil menjelaskan bahawa syarikat-syarikat Malaysia perlu bersedia menghadapi saingan antarabangsa.

Perdana Menteri berkata formula kejayaan Malaysia berpusat kepada liberalisasi pasaran Malaysia.

"Dari dulu lagi kami sentiasa mempunyai barangan dari seluruh dunia dalam pasaran kami. Sebelum lagi ada cadangan bagi WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia), kami telahpun mengurung, malahan menghapuskan beberapa duti import.

"Kami sedar eksport kami tidak akan menikmati pasaran yang liberal...tetapi kami akan bersaing dan mengatasi perdagangan yang mempunyai sekatan dan kawalan."

Dr Mahathir berkata Malaysia sentiasa mementingkan pelaburan asing terus dan tidak mempunyai sebarang keraguan mengenainya.

Bagaimanapun, ia tidak mengabaikan pelaburan domestik, yang sebenarnya telah mengatasi pertumbuhan dalam pelaburan asing.

Perdana Menteri berkata satu lagi komponen penting dalam formula kejayaan itu ialah perhatian bersungguh-sungguh terhadap pembangunan teknologi perindustrian dan pembentukan satu masyarakat yang cenderung kepada kejuruteraan dan teknologi.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga gerun dengan inflasi dan berazam mengekalkannya di paras yang rendah.

Beliau berkata Malaysia turut mengutamakan alam sekitar dan tidak akan membenarkan ia dimusnahkan untuk kepentingan jangka pendek.

"Bagaimanapun, kami tidak akan membiarkan diri kami menjadi miskin tanpa menggunakan potensi sendiri. Punca utama pencemaran ialah kemiskinan," kata beliau.

Menurutnya Malaysia akan dibangunkan dengan memperseimbangkan pemeliharaan mutu alam sekitar dengan keperluan rakyatnya. -- BERNAMA

SJ MAI